KEBEBASAN BERCAKAP - SEBEBAS MANA?

FARIDAH JALIL *

Pendahuluan

Jaminan berhubung has asasi merupakan ciri asas negara demokrasi. Perlindungan terhadap hak asasi ini membolehkan rakyat menentukan corak kehidupan dan turut serta dalam proses pembentukan dan pembangunan negara. Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan turut menjamin hak asasi rakyat sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan[1]. Falsafah yang didukung oleh Perlembagaan Persekutuan berhubung perkara kebebasan ialah kebebasan bersyarat. Falsafah ini bertepatan dengan Perisytiharan Antarabangsa Hak Asasi Bangsa-bangsa Bersatu 1948[2] serta Piagam Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik 1966[3] yang menyatakan mengenai

* Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

[1] Lihat Perkara 5 sehingga Perkara 13, Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan asasi tersebut adalah merangkumi Kebebasan diri (Per 5), Larangan terhadap Perhambaan dan Kerja Paksa (Per 6), Perlindungan dari undang-undang kuatkuasa kebelakang dan perbicaraan berulang (per 7), Jaminan Kesamarataan (per *), Larangan dibuang negeri dan kebebasan bergerak (per 9), Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpesatuan (per 10) kebebasan Beragama (Per 11), Hak berhubung pendidikan (Per 12) dan Hak terhadap harta (per 13).

[2] Artikel 19 Perisytiharan Antarabangsa Hak Asasi Bangsa-bangsa Bersatu:
Everyone has the right to freedom of opinion and expression; this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media regardless of frontiers.

[3] Artikel 10 Piagam Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik:

(1) Everyone shall have the right to hold opinions without inteference.
(2) Everyone shall have the right to freedom of expression; this right shall include freedom to seek, receive and impart information and ideas of all kinds, regardless of frontiers, either orally, in writing or in print, in the form of art, or through any other media of his choice.
(3) The exercise of the rights of freedom of expression and opinion carries with it special duties and responsibilities. It may therefore be subjected to certain restrictions, but these shall only be such as are provided by law and are necessary:
(a) For respect of the rights or reputation of others,
(b) The protection of national security or of public order (order public), or of public health or morals.

hak setiap individu untuk melahirkan perasaan dan menyatakan pendapat namun pelaksanaan hak tersebut diiringi oleh tugas dan tanggungjawab yang khusus. Dalam masa yang sama ia terbatas dalam hal berhubung hak atau maruah orang lain serta keselamatan atau ketenteraman awam dan kesihatan awam atau kemoralan.

Kebebasan bersuara[4] dan undang-undang

Kebebasan bersuara merupakan kebebasan yang secara kolektif diiktiraf oleh masyarakat madani sebagai sebahagian daripada pelaksanaan proses demokrasi. Kepentingannya boleh dianggap sebagai mengatasi kebebasan-kebebasan lain yang dijamin oleh undang-undang. Kelebihan kebebasan ini kerana ia membolehkan pencarian dan penyataan kebenaran, penyampaian maklumat dan pembetulan kepada kepincangan dalam pemerintahan[5]. Namun hak ini bukanlah satu-satunya hak yang perlu dipertahankan dan perlu diimbangkan dengan keperluan lain masyarakat dan negara[6].

Selaras dengan falsafah kebebasan bersyarat yang didukung oleh Perlembagaan, Fasal 2(a) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menyatakan kebebasan bersuara tertakluk kepada kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau kemoralan dan sekatan-sekatan yang bertujuan melindungi keistimewaan parlimen atau mana-mana dewan undangan atau menentang penghinaan mahkamah, fitnah atau pengapian apa-apa kesalahan. Fasal (4) pula menambah bahawa dalam perkara berhubung keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau berkait dengan ketenteraman awam parlimen boleh mengadakan undang-undang yang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau

[4] Kebebasan ini bukan hanya meliputi kebebasan bercakap dan melahirkan perasaan tetapi juga kebebasan akhbar; *Rennet Coleman v Union of India* AIR 1973 SC 107 dan diiktirafkan oleh Mahkamah Agong dalam kes *Pendakwa Raya v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566.
[5] Barendt, Eric, *Freedom of Speech* (1985) Clarendon Press, Oxford.
[6] Syedney Kentridge, *Freedom of Speech, Is it the Primary Right?* [1996] 45 ICLQ 253.

prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181. Undang-undang yang dibuat oleh Parlimen walau bagaimapun tidak boleh menyekat perbincangan atau persoalan mengenai pelaksanaan perkara-perkara di atas.

Hasil daripada falsafah kebebasan bersyarat yang didukung oleh Perlembagaan ini maka terbentuklah perundangan seperti Akta Asutan 1948 (Akta 15), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Semakan 1988, Akta 88), Akta Fitnah 1957 (Semakan 1983, Akta 286), Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 (Akta 301), Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharan) 1958 (Semakan 1983, Akta 296), Akta Dewan Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Semakan 1988, Akta 88), dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (semakan 1972, Akta 82) serta peruntukan dalam Kanun Kesiksaan (Semakan 1997, Akta 574)[7]. Falafah kebebasan bersyarat ini dipersetujui oleh Mahkamah Tinggi semasa memutuskan kes *Pendakwa Raya lwn Ooi Kee Saik*[8]. Hakim Raja Azlan Shah (pada ketika itu) menyatakan:

> 'Tidak boleh terdapat keadaan mengiakan kebebasan mutlak atau tanpa kawalan yang keseluruhannya bebas dari sekatan; kerana ini akan menjurus kepada anarki dan kacau-bilau. Pemilikan dan penikmatan semua hak ... adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang munasabah yang dianggapkan sebagai penting … kepada keselamatan, kesihatan, keamanan dan ketenteraman awam dan moral masyarakat ... Apa yang cuba dilakukan oleh Perlembagaan dalam mengisytiharkan hak-hak rakyat ialah mengimbangkan antara kemerdekaan individu dan kawalan sosial' (terj)[9]

dan diperkukuh oleh Mahkamah Agung didalam kes *Pendakwa Raya v Pung Chen Choon*[10]. Edgar Joseph Jr, Hakim Mahkamah Agung menyatakan:

---

[7] Perbincangan berhubung undang-undang berkaitan boleh dilihat didalam Raja Aziz Addruse, 'Country Reports: Malaysia' di dalam Martin, Robert, *Speaking Freely, Expression and the law in the Commonwealth*, (1999) Irwin Law, Canada. Lihat juga Shad Faruqi, 'Free Speech and the Constitution' [1992] 4 CLJ 1xiv.
[8] [1971] 2 MLJ 108.
[9] Ibid, ms 111.
[10] [1994] 1 MLJ 566, ms 576.

> 'Dalam menimbangkan persoalan ini, kami telah juga meletakkan keutamaan didalam pemikiran kami, bahawa disatu pihak, hak terhadap kebebasan bercakap dan menyatakan perasaan seperti yang dinaungi oleh Perlembagaan adalah tidak mutlak ...' (terj).[11]

Umumnya undang-undang menyekat kebebasan bercakap boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu berhubung kehormatan yang meliputi perkara fitnah dan penghinaan mahkamah, keselamatan negara yang membabitkan kata-kata dan penerbitan berunsur hasutan atau penghinaan melampau dan kemoralan yang melibatkan akhbar[12].

Sekatan atas alasan kehormatan

Kebebasan bercakap tidaklah merupakan lesen untuk menjejaskan maruah seseorang[13]. Jika berlaku keadaan yang kata-kata boleh menyebabkan terjejasnya reputasi seseorang, pihak berkenaan boleh mengambil tindakan menurut Akta Fitnah. Kesalahan memfitnah berlaku apabila terdapat dalam suatu kenyataan kecenderungan untuk mengadakan pendapat yang bertentangan mengenai seseorang oleh orang lain walaupun tiada siapa yang percaya kenyataan tersebut sebagai benar[14]. Oleh itu dalam pemilihan kata-kata hendaklah diambil kira supaya ia tidak terkeluar daripada batasan kritikan yang adil dan saksama. Kritikan yang adil dan saksama memerlukan tindakan yang berhati-hati dan mengambil kira pelbagai aspek, seperti analisis Mahkamah Tinggi dalam kes *Tjanting*[15]. Mahkamah dalam penelitiannya mendapati

---

[11] Ibid, ms 576.

[12] Perkataan akhbar merujuk kepada 'suratkhabar yang ditafsirkan sebagai apa-apa penyiaran yang mengadungi berita, pandangan, laporan-laporan tentang kejadian-kejadian atau apa-apa kenyataan, pemerhatian atau komen-komen berhubung dengan sesuatu berita, pandangan atau kejadian, atau kepada apa-apa perkara berhubung kepentingan awam, atau apa-apa majalah, komik atau bentuk lain periodikal yang diterbitkan dalam apa-apa bahasa untuk jualan atau edaran percuma secara kerap atau tidak. S 2 Akta Percetakan dan Penerbitan 1984.

[13] *Tjanting Handicraft Sdn Bhd* & *Anor v Utusan Melayu (M) Bhd* & *Ors* [2001] 2 MLJ 574, ms 576.

[14] Ibid, ms 593.

[15] Ibid, ms 589.

bahawa pihak Utusan Malaysia gagal mengambil langkah yang sewajarnya dalam membuat kritikan kerana terdapat pertentangan antara ulasan yang dipertikaikan dengan ulasan-ulasan yang pernah dibuat oleh agensi penerbitan lain sebelumnya serta tiada rujukan dibuat kepada pihak yang mengeluarkan tender kepada Syarikat Tjanting. Namun begitu, keghairahan mahkamah dalam menjaga maruah individu tidaklah sehingga menjejaskan kebebasan bercakap dan memberi pandangan. Tuntutan dakwaan memfitnah perlu diteliti dengan berhati-hati supaya ia tidak disalahgunakan sehingga menyebabkan penyalahgunaan proses mahkamah terutamanya apabila melibatkan tuntutan bernilai jutaan ringgit [16].

Selain menjaga maruah individu, kebebasan bercakap disekat untuk menjaga kehormatan institusi tertentu, terutamanya kehakiman. Penghinaan Mahkamah ialah mekanisme untuk memelihara integriti badan kehakiman sebagai badan yang bebas dan berperanan menegakkan keadilan. Integriti ini perlu dipelihara untuk mengelakkan masyarakat hilang keyakinan dan timbul huru-hara [17]. Batasan ini juga hendaklah digunakan secara berhati-hati oleh Mahkamah agar ini tidak menjejaskan perjalanan tugas pihak peguam [18] dan menimbulkan sangkaan bahawa Mahkamah itu sendiri tidak boleh dikritik dan menggugat kepercayaan orang awam kepada Mahkamah [19]. Hakim Gopal Sri Ram (penghakiman menentang) dalam kes *Tommy Thomas v Peguam Negara Malaysia* [20] menyatakan:

> ‘Kuasa untuk secara ringkas menghukum seseorang bagi kesalahan penghinaan mahkamah merupakan senjata yang berguna dan bernilai dalam melindungi kehakiman. Jika digunakan dengan baik, ia menegakkan pelaksanaan keadilan dengan menanamkan keyakinan

[16] Report of the Bar Council on the Effect of Defamation Laws on Free Speech [2001] XXX No 2 *INSAF* 64.
[17] *MBF Holdings Bhd v Houng Hai Kong dan 2 Orang Lain* [1993] 3 CLJ 373, ms 378.
[18] *Zainur Zakaria v Pendakwa Raya* [2001] 3 CLJ 673.
[19] Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Malaysian Human Rights Report 1999. Civil and Political Rights. (1999) Suara Rakyat Malaysia, Petaling Jaya. Lihat juga Jerald Fernandez, ‘Contempt of Court’ [2001] XXX.
[20] No 2 *INSAF* 3, Justice P N Bhagwati, ‘Contempt of Court’ [2001] XXX No 2 *INSAF* 13. [2001] 3 CLJ 457, ms 475.

terhadap kehakiman. Tetapi seperti kuasa-kuasa lain ia terdedah kepada penyalahgunaan. Dan kita hendaklah sentiasa berwaspada menghalang kejadian tersebut. Jika tidak ia akan membawa hasil yang sebaliknya. Ia akan menghakis keyakinan orang awam terhadap sistem keadilan. Kuasa penghinaan seperti pedang "Damocles" yang tergantung di atas kepala para peguam dan litigan. Ia akan menghancurkan kebebasan berfikir dan bercakap. Ini sesuatu yang mesti kita pastikan tidak berlaku.' (terj)

Sekatan atas alasan keselamatan dan ketenteraman awam

Undang-undang utama yang telah digubal untuk tujuan ini ialah Akta Hasutan 1948 yang dirangka untuk tujuan mengadakan peruntukan berkenaan hukuman bagi asutan, Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 serta Akta Rahsia Rasmi 1972.

Kesalahan menghasut bukanlah mudah untuk dibuat dakwaan dan dibuktikan. Walau bagaimanapun dari satu segi Mahkamah dilihat mengutamakan kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam apabila membicarakan kes ini menyebabkan kebanyakan kes diakhiri dengan sabitan [21]. Kes *Ooi Kee Saik* menjelaskan pendekatan Mahkamah dalam mempertahankan kebebasan bercakap dan mengimbangkannya dengan keselamatan dan ketenteraman awam. Hakim Raja Azlan Shah menyatakan persetujuan bahawa hak ini hendaklah diberikan pentafsiran yang liberal, namun dalam masa yang sama ia juga hendaklah diawasi. Hakim juga menyedari bahawa kritikan yang bebas dan ikhlas berkenaan polisi kerajaan tidak boleh berlangsung dalam keadaan yang dikawal atau disekat. Walau bagaimanapun, hakim masih beranggapan hak mutlak tiada dapat diberikan dan sekatan yang dikenakan ialah sebahagian daripada hak yang dijamin. Hakim cuba untuk memberikan garis pemisah antara kritikan yang dibenarkan dan hasutan dan penentuan dibuat oleh mahkamah berhubung dengannya. Ini dilakukan dengan

[21] *The Star*, 14 Januari 2000, 'Sedition Redefined after May 13 riots'. Menurut akhbar ini dari tahun 1970 lebih kurang 10 kes hasutan telah dibawa ke Mahkamah.

melihat kepada keseluruhan ucapan dan mahkamah akan menilai sama ada kata-kata itu diniatkan sebagai kritikan terhadap polisi dan pentadbiran kerajaan bagi tujuan mendapatkan perubahan atau pembaharuan. Jika diniatkan sedemikian ucapan itu dibenarkan. Jika mahkamah sebaliknya mendapati bahawa ucapan tersebut dalam keadaan biasa, jelas dan tidak diragukan mempunyai kecendurangan membangkitkan perasaan benci, penghinaan atau tidak puas hati terhadap kerajaan, iaitu ucapan berkenaan dilarang oleh Akta Asutan. Kes ini juga memberikan pengertian berhubung perkataan tidak puas hati yang ditafsirkan sebagai mempunyai makna yang lebih daripada sekadar kritikan politik, ia bermaksud hilangnya rasa taat, kesetiaan, menimbulkan permusuhan dan rasa marah. Keadaan membangkitkan rasa benci terhadap kerajaan pula ialah merujuk kepada menanamkan, membangkitkan atau merangsang untuk menaikkan penentangan, permusuhan dan tidak taat yang menyebabkan kerajaan merasa tidak selamat. Pendekatan Mahkamah ini menekankan aspek kesan dari perkataan yang dikeluarkan dan tidak melihat kepada niat. Ini menyebabkan hasutan lebih berupa satu kesalahan tanggungan keras.

Selain itu, kayu ukur yang digunakan ialah pandangan mahkamah, tidak terhadap para pendengar semasa kata-kata dituturkan ataupun orang yang munasabah. Ini menyebabkan tafsiran yang diberi oleh mahkamah ini agak sukar untuk dijadikan panduan, kerana hanya mahkamah yang bakal membuat penentuan. Ujian yang dikenakan sepatutnya mengadakan garis panduan yang lebih jelas berhubung dengan maksud membangkitkan rasa benci. Kesukaran juga berakibat daripada terdapatnya perbezaan berhubung dengan sensitiviti individu berkaitan dengan kata-kata yang dipertuturkan. Selain Akta Asutan, s 298A Kanun Kesiksaan [22] juga menjadikan sebagai satu kesalahan bagi sesiapa sahaja yang menimbulkan kekacauan, pecahbelah, perasaan permusuhan, kebencian atau sakit hati atau menimbulkan prasangka terhadap pengekalan

[22] Walaubagaimanapun samada peruntukan ini boleh digunakan atau tidak masih belum jelas, kerana Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mamat bin Daud v Kerajaan Malaysia* [1988] 1 MLJ 119 telah memutuskan peruntukan ini tidak berpelembagaan kerana ia merupakan perkara yang terletak dalam bidangkuasa dewan undangan negeri untuk membuat undang-undang.

kedamaian atau perpaduan atas alasan agama. Ini selaras dengan peruntukan Akta Asutan yang mengkategorikan sesuatu perkataan sebagai mempunyai kecenderungan menghasut jika berkecenderungan menyemarakkan perasaan sakit hati atau keganasan antara kaum berbeza di Malaysia.

Selain kemungkinan menghasut melalui perkataan yang dipertuturkan, hasutan boleh berlaku melalui tulisan. Akta Asutan mencegah dan menjadikan satu kesalahan bagi percetakan, penerbitan, penjualan, tawaran untuk menjual, pengedaran atau pengeluaran semula apa-apa bahan berunsur hasutan[23]. Perlakuan ini juga dihalang secara khusus oleh Akta Percetakan dan Penerbitan 1984. Seksyen 8A(1) dan (2) menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa sahaja yang menerbitkan secara niat jahat apa-apa berita palsu. Niat jahat diandaikan jika tiada sebarang bukti menunjukkan bahawa sebelum penerbitan langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk memastikan kebenaran berita tersebut. Peruntukan ini juga bersifat tegas seperti yang diputuskan oleh kes *Lim Guan Eng v Pendakwa Raya*[24], dan beliau didapati bersalah menerbitkan berita dengan niat jahat kerana gagal memastikan kebenaran berita yang disiarkannya.

Akta Percetakan dan Penerbitan, bukan hanya mengawal bahan penulisan yang bakal diterbitkan, tetapi ia juga mengenakan syarat supaya sebarang syarikat percetakan dan bahan-bahan yang bakal diterbitkan hendaklah mendapat permit percetakan dan penerbitan daripada menteri bertanggungjawab[25]. Menteri bertanggungjawab juga mempunyai kuasa budi bicara untuk meluluskan permohonan tersebut. Selain Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Keselamatan dalam Negeri[26] memberikan kuasa kepada menteri bertanggungjawab dalam hal percetakan dan penerbitan untuk membuat perintah menghalang sesuatu penerbitan secara mutlak atau mengenakan syarat bagi percetakan, penerbitan, pengeluaran, pengedaran atau pemilikan mana-mana dokumen atau penerbitan yang mengandungi apa-apa rangsangan terhadap

[23] S 54 (c) Akta Asutan 1948.
[24] [2000] 2 MLJ 577.
[25] S 5 dan s 6 Akta Penerbitan dan Percetakan 1984.
[26] S 22(1) Akta Keselamatan dalam Negeri 1960.

keganasan atau menyarankan keingkaran terhadap undang-undang atau jika diedarkan akan menyebabkan berlakunya ancaman kepada keamanan atau menggalakkan perasaan permusuhan antara kaum atau kelas penduduk atau menimbulkan prasangka kepada kepentingan negara, ketenteraman awam atau keselamatan Malaysia. Akta ini lebih tegas akibatnya berbanding dengan Akta Penerbitan dan Percetakan, iaitu bahan-bahan seperti yang disebutkan tidak boleh diterbitkan.

Syarat lesen percetakan dan penerbitan ini walaupun mempunyai asas, namun bercanggah dengan prinsip kebebasan akhbar yang menekankan tiadanya kekangan terdahulu. Kebebasan akhbar menekankan hak untuk menerbitkan sebarang berita tetapi jika berita itu tidak benar, bermaksud jahat atau bertentangan dengan undang-undang, penulisnya hendaklah sanggup menerima akibat tindakannya. Walau bagaimanapun, prinsip kekangan terdahulu ini tidak mendapat tempat di mahkamah negara ini [27].

Selain kedua-dua Akta yang telah disebutkan, Akta Rahsia Rasmi 1972 didakwa menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan hak bercakap; ini kerana Akta berkenaan memberikan kuasa yang luas kepada eksekutif untuk mengelasifikasikan sesuatu maklumat. Tanpa adanya maklumat yang mencukupi sukar untuk hak bercakap dimanfaatkan [28].

Sekatan atas alasan kemoralan

Batasan atas alasan kemoralan ini kurang mendapat bantahan. Berkemungkinan kerana ia bersesuaian dengan nilai yang dipegang oleh masyarakat negara ini yang menganggap pornografi dan bahan-bahan bacaan lucah sebagai mengancam struktur masyarakat dan bertentangan dengan ajaran agama. Namun ini tidak bererti tiada pihak yang cuba untuk menerbit dan mengedar bahan-bahan sedemikian. Kawalan terhadap bahan-bahan lucah ini dijalankan oleh Menteri Dalam Negeri yang diberi kuasa oleh Akta Percetakan dan

[27] Pernah dihujahkan dalam kes *Pung Chen Choon*, supra ms 581.
[28] DYMM Sultan Azlan Shah, 'The Right To Know' [1986] JMCL 1.

Penerbitan 1984 untuk menentukan perkara yang dikategorikan sebagai lucah [29]. Masalah berhubung kawalan terhadap bahan-bahan lucah bukanlah ketiadaan undang-undang tetapi penguatkuasaan.

Bantahan dan perimbangan

Pelbagai bantahan ditimbulkan berhubung dengan undang-undang menyekat kebebasan bercakap. Umumnya bantahan menjurus kepada tuduhan bahawa sekatan lebih menyebelahi pihak pemerintah. Ini menggambarkan rakyat seolah-olah tidak memainkan peranan dalam menghayati hak ini sehingga memerlukan setiap aspek hak tersebut dikawal. Walaupun sekatan berkenaan telah memberati pihak pemerintah kurang usaha diadakan supaya hak rakyat dilindungi, ini menjadikan hak tersebut tidak seimbang dan rakyat memprotes. Untuk mengadakan imbangan terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian sama ada oleh eksekutif, legislatif mahupun mahkamah. Antaranya ialah:

a. Pihak eksekutif pula perlu menghayati prinsip urus tadbir yang baik dan pemerintahan terbuka yang menjadi asas pentadbiran pada hari ini. Kedua-kedua prinsip ini menghendaki ketelusan di pihak pentadbiran terutamanya dalam menjalankan kuasa budi bicara. Pihak eksekutif oleh itu perlu menyediakan garis panduan yang jelas dalam menjalankan kuasa budi bicara.

b. Badan legislatif pula perlu mengkaji kemungkinan untuk mengurangkan klausa muktamad yang mengecualikan keputusan pihak eksekutif daripada dirayu atau diulang kaji oleh Mahkamah. Klausa ini menjejaskan peluang orang awam untuk mengetahui alasan keputusan dan menimbulkan rasa tidak puas hati.

---

[29] Standard kelucahan ialah seperti yang dinyatakan oleh kes *Mohamed lbrahim v Pendakwa Raya* [1963] 29 MLJ 389, ms 291: 'ujian berhubung dengan kelucahan ialah seperti ini, sama ada kecenderungan perkara yang dipertuduhkan sebagai lucah itu akan menafikan dan mengotorkan pemikiran-pemikiran mereka yang terdedah kepada pengaruh-pengaruh tidak bermoral dan siapakah yang akan mendapat penerbitan tersebut.'

c. Mahkamah pula hendaklah bersikap lebih berani dan kreatif dalam mengadakan remedi baru berhubung dengan penafian hak bercakap dalam keadaan jelas kelihatan hak tersebut ditindas tanpa justifikasi yang wajar. Mahkamah, jika perlu boleh memperluaskan kebebasan bercakap untuk mengkritik pentadbiran kerajaan yang tidak cekap atau mengamalkan rasuah dan pihak yang mengkritik tidak boleh dikenakan tuntutan fitnah[30].

Kebebasan bercakap yang sebenarya akan terlaksana jika terdapat peraturan atau perundangan mengawal selia hak untuk mendapatkan maklumat yang boleh dinamakan sebagai Akta Kebebasan Maklumat. Adanya aturan kebebasan maklumat boleh menjernihkan kekeliruan berakibat daripada maklumat yang disampaikan oleh pelbagai pihak. Kebebasan maklumat membolehkan setiap rakyat memeriksa kebenaran berita atau maklumat yang disampaikan. Ini boleh mengurangkan rasa tidak percaya dan syak wasangka terhadap tindakan kerajaan, kritikan boleh dijawab dan isu diperjelaskan. Kajian menunjukkan di negara-negara yang mengamalkan dasar kerajaan terbuka dan membenarkan kebebasan maklumat tidak terancam kedudukannya[31]. Perundangan ini juga mampu menyokong perkembangan teknologi maklumat.

Kesimpulan

Menentukan tahap kebebasan bercakap ialah sesuatu yang sukar. Peringatan yang boleh diambil semasa mengenakan sekatan ialah kebebasan bersuara tidak boleh disekat sehingga menjadikan masyarakat malas berfikir dan

---

[30] Timothy H Jones, 'Freedom of Political Communication in Australia' [1996] 45 ICLQ 392.
[31] Jowell dan Oliver (ed), *The Changing Constitution* (2000) Oxford Uni Press, ms 363.
[32] P S Stamatallos, 'The Bar In America: The Role of Elitism in a Liberal Democracy' (1992-3) 26 Uni Of Michigan Journal of Law Reform 853 at page 883. Ungkapannya seperti berikut: '... individuals do not live in vacuum, but in a polity or society, the largest of social institutions. In a polity rights are often in conflict. Given limited resources, citizens often cannot exercise their rights without trampling up the rights of others. Because rights often are incapable of being fully exercised, ...rights are neither neutral nor equal. They are not even equivalent or like. They are reciprocal.'

menjejaskan pembinaan tamadun bangsa. Setiap individu yang diberikan hak pula, perlu sedar bahawa mereka bukan hidup dalam suasana vakum tetapi bermasyarakat. Keadaan ini tidak membenarkan pelaksanaan hak secara mutlak. Pelaksanaan kebebasan ini juga hendaklah mengambil kira keadaan bahawa kebebasan itu bukan merupakan lesen yang membenarkan apa sahaja. Hakikat yang perlu disedari ialah dalam melaksanakan kebebasan bersuara ialah, individu tidak dapat lari daripada menginjak atau terinjak hak orang lain. Kebebasan tidak mungkin dapat dilaksanakan secara sepenuhnya. Hak tidak bersifat neutral atau saksama, tidak juga bersifat sama rata atau seumpama dengannya. Ia bertimbal-balas[32]. Bersama-sama kebebasan bercakap ialah tanggungjawab terhadap apa yang dipertuturkan dan kesediaan untuk membuktikan perkataan itu benar. Pepatah Melayu mengatakan: 'Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa', dan 'Terlanjak perahu boleh diundur, terlanjak kata buruk padahnya'. Namun dalam apa-apa perkara sekalipun perlulah ada keberanian untuk menyatakan kebenaran kerana 'Berani kerana benar takut kerana salah'.

BIBLIOGRAFI

A. AKTA

1. Perlembagaan Persekutuan
2. Akta Asutan 1948 (Akta 15)
3. Akta Fitnah 1957 (Semakan 1983) (Akta 286)
4. Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 (Akta 301)
5. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Semakan 1988) (Akta 88)
6. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Semakan 1972) (Akta 82)
7. Kanun Kesiksaan (Semakan 1997) (Akta 574)

B. BUKU

1. Eric Barendt (ed), *Freedom of Speech* (2000) Oxford Uni Press
2. Harding, Andrew, Law, *Government and the Constitution in Malaysia* (1996) Malayan Law Journal, Kuala Lumpur
3. Martin Robert (ed), *Speaking Freely, Expression and the Law in the Commonwealth* (1999) Irwin Law, Canada

4. S Sothi Rachagan and Ramdas Tikamdas (ed), *Human Rights and the National Commission* (1999) HAKAM, Kuala Lumpur

C. LAPORAN KES

1. *Lim Guan Eng v Pendakwa Raya* [2000] 2 MLJ 577
2. *Mamat bin Daud v Kerajaan Malaysia* [1988] 1 MLJ 119
3. *MBF Holdings Sdn Bhd v Houng Hai Kong & 2 Ors* [1993] 3 CLJ 378
4. *Mohamed Ibrahim v Pendakwa Raya* [1963] 29 MLJ 389
5. *Pendakwa Raya v Ooi Kee Saik* [1971] 2 MLJ 108
6. *Pendakwa Raya v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566
7. *Tjanting Handicraft Sdn Bhd & Anor v Utusan Melayu (M) Bhd & Ors* [2001] 2 MLJ 574
8. *Tommy Thomas v Peguam Negara Malaysia* [2001] 3 CLJ 457
9. *Zainur Zakaria v Pendakwa Raya* [2001] 3 CLJ 673

D. MAKALAH

1. DYMM Sultan Azlan Shah, 'The Right To Know' [1986] JMCL 1
2. Jerald Fernandez, 'Contempt of Court' [2001] XXX No 2 *INSAF* 3
3. Justice P N Bhagwati, 'Contempt of Court' [2001] XXX No 2 *INSAF* 13
4. P S Stamatahos, 'The Bar in America: The Role of Elitism in a Liberal Democracy' [1992-3] 26 Uni Of Michigan, Journal of Law Reforms 853
5. Scott L Goodroad, 'The Challenge of Free Speech: Asian Values v Unfettered Free Speech, an Analysis of Singapore and Malaysia in the New Global Order' [1989] 9 Ind I'ntl & Comp L Rev 259
6. Shad Faruqi, 'Free Speech and the Constitution' [1992] 4 CLJ lxiv
7. Syedney Kentridge, 'Freedom of Speech, Is it the Primary Right?' [1996] 45 ICLQ 253
8. Timothy H Jones, 'Freedom of Political Communication in Australia' [1996] 45 ICLQ 392

E. LAPORAN KAJIAN

1. Report of the Bar Council on the Effect of Defamation Laws on Free Speech [2001] XXX No 2 *INSAF* 64
2. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Malaysian Human Rights Report 1999, Civil and Political Rights (1999) SUARAM, Petaling Jaya.